

07 DEC 2001

BUKU "PROF SASAUAN" UNTUK JAWAB TULISAN SHAHNON

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Buku bertajuk "Prof Sasauan" karya bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali dilancarkan di sini malam tadi bagi menjawab buku berjudul "Maha Harprak" tulisan anggota PAS, Datuk Shahnnon Ahmad.

Buku berharga RM 7 senaskhah itu dilancarkan oleh bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Dr Hassan Ahmad.

Sebelum ini, Ibrahim menulis buku bertajuk "Muntah" sebagai menjawab karya Shahnnon bertajuk "SHIT" dan kemudian menerbitkan buku berjudul "Babi" juga untuk menjawab sebuah lagi buku tulisan Shahnnon bertajuk "Anjing".

Ketika bercakap pada majlis pelancaran buku "Prof Sasauan", Ibrahim berkata buku-bukunya itu merupakan usaha beliau untuk memberitahu orang ramai bahawa apa yang ditulis oleh Shahnnon adalah tidak benar.

"Saya menjangkakan "Prof Sasauan" akan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai seperti buku-buku saya sebelum ini," katanya.

-- BERNAMA

RA ZMN AHH MAI